



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JFW 362/JFW 462 – Pengurusan Institusi Kewangan Dan Pasaran

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.

SOALAN 1 [20 markah]

- (a) Berdasarkan definisi unit amanah, bagaimanakah unit amanah berperanan sebagai pelaburan secara kolektif?
(8 markah)
- (b) Jelaskan perbezaan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan unit amanah yang dikeluarkan oleh Institusi Kewangan swasta dalam konteks pelaburan di Malaysia.
(12 markah)

SOALAN 2 [20 markah]

- (a) Terangkan maksud *off balance sheets* (pelaburan diluar kunci kira-kira) dan **TIGA (3)** kaedah yang digunakan oleh pihak bank untuk melaksanakan aktiviti *off balance sheets* ini.
(12 markah)
- (b) “Bank ini hanya menyediakan perkhidmatan kepada syarikat perniagaan yang besar seperti syarikat berhad dan sendirian berhad. Ia tidak menyediakan perkhidmatan kewangan kepada orang awam”.

Apakah fungsi utama perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh bank ini?

(8 markah)

SOALAN 3 [20 markah]

- (a) Kos transaksi atau kos jual-beli sekuriti merupakan masalah utama dalam pasaran kewangan. Bagaimanakah pengantara kewangan dapat membantu pelabur mengurangkan kos transaksi ini?
(8 markah)
- (b) Terangkan **DUA (2)** analisis utama yang digunakan oleh pihak bank bagi menguruskan risiko kadar faedah.
(8 markah)
- (c) ‘Nilai intrinsik bagi saham AA adalah RM3.00 dan harga semasa saham ini di pasaran adalah RM3.20’

Berdasarkan maklumat ini, adakah pelabur patut menjual saham ini dan mengapa?

(4 markah)

SOALAN 4 [20 markah]

- (a) Jelaskan **TIGA (3)** faktor utama yang menyebabkan nilai bon yang diterbitkan oleh sesebuah firma berbeza dengan nilai par bon.
(12 markah)
- (b) Analisis kesan aktiviti berikut terhadap nilai kadar tukaran ringgit Malaysia.
- (i) Malaysia mengimport 1000 buah kereta mewah dari Amerika Syarikat.
- (ii) Malaysia mengeksport 100 tan kayu balak ke Jepun.
(8 markah)

SOALAN 5 [20 markah]

- (a) Terangkan konsep keseimbangan kuasa beli (*purchasing power parity*).
(5 markah)
- (b) Apakah maksud pensekuritian aset (*assets securitization*)? Terangkan jenis-jenis sekuriti kewangan yang boleh dihasilkan melalui aktiviti pensekuritian aset ini.
(15 markah)